

# Cabaran NSC

**C**ABARAN Sains Negara (NSC) yang diadakan pada setiap tahun adalah bertujuan memupuk, menggalak dan meningkatkan minat pelajar terhadap sains, teknologi dan inovasi.

Pada 2015, NSC yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) telah berjaya menarik lebih 9,200 penyertaan daripada sekolah-sekolah di seluruh negara.

Cabaran terbahagi kepada empat peringkat iaitu saringan, negeri, separuh akhir dan akhir.

Di peringkat saringan, setiap kumpulan yang diwakili oleh tiga pelajar dan seorang guru mentor berentap menjawab kuiz atas talian.

Daripada kuiz itu, hanya lima kumpulan terbaik dari setiap negeri dipilih untuk ke peringkat negeri.

Di peringkat tersebut, mereka berentap pula untuk merebut tempat kumpulan terbaik yang akan mewakili negeri masing-masing.

Kumpulan terbaik setiap negeri kemudian memasuki pusingan separuh akhir dalam Kem Sains di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Semua pelajar diuji dalam kaedah penyelidikan, kerja berkumpulan dengan menjalankan projek penyelidikan dan penggunaan kemahiran pemikiran kritikal serta analitikal.

Modul bagi kem berkenaan disediakan oleh Jaringan Saintis Muda (YSN) Malaysia dengan seliaan mentor daripada ASM.

Pada akhir kem, empat kumpulan terbaik diumumkan sebagai finalis untuk berentap di pusingan akhir di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade, Kuala Lumpur.

Dalam cabaran akhir berkenaan, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Perempuan Cina Pulau Pinang dinobatkan sebagai juara.

Sekolah tersebut diwakili oleh Lee Ching Ching, Ong Xiaojing dan Tan Bing Chieh serta guru mentor, Oon Siew See.


Mereka membawa pulang trofi Cabaran Perdana Menteri dan lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden sambil menyaksikan acara berprestij Majlis Penyampaian Hadiah Nobel 2015.

Naib johan adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 8 Selangor manakala tempat ketiga dan keempat masing menjadi milik Sekolah Menengah Kebangsaan Keat Hwa, Kedah dan Sekolah Menengah Imtiaz Besut, Terengganu.

2015 adalah tahun keempat ASM bekerjasama dengan ExxonMobil Subsidiaries dalam menganjurkan NSC.

## SENARAI PEMENANG CABARAN SAINS KEBANGSAAN

<b>1983</b>	Sek. Men. St. Paul, Negeri Sembilan
<b>1989</b>	Sek. Men. Kerajaan Kuching, Sarawak
<b>1990</b>	Gabungan Sekolah-sekolah Perak
<b>1991</b>	Sekolah Tinggi Melaka
<b>1992</b>	Sekolah Tinggi Melaka
<b>1993</b>	Sekolah Tinggi Melaka
<b>1994</b>	Sek. Men. Bantuan St - Joseph, Kuching, Sarawak
<b>1995</b>	Sek. Men. All Saints Kota Kinabalu, Sabah
<b>1996</b>	Sek. Men. Sains Muzaffar Syah, Melaka
<b>1997</b>	Sek. Men. Bantuan St Joseph, Sarawak
<b>1998</b>	Sek. Men. Bantuan St Joseph, Sarawak
<b>1999</b>	Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan
<b>2000</b>	Sek. Men. Keb. Ahmad Maher, Kelantan
<b>2001</b>	Maktab Rendah Sains Mara Langkawi, Kedah
<b>2002</b>	Sek. Men. Sains Muzaffar Shah, Melaka
<b>2003</b>	Sek. Men. Keb. Victoria, Kuala Lumpur
<b>2004</b>	Sek. Men. Sains Raja Tun Azlan Shah, Perak
<b>2005</b>	Sek. Men. Keb. (L) Methodist, Kuala Lumpur
<b>2006</b>	Sek. Men. Keb. Tinggi St David, Melaka
<b>2007</b>	Sek. Men. Keb. Convent Green Lane, Pulau Pinang
<b>2008</b>	Sek. Men. Jenis Keb. Tsung Wah Kuala Kangsar, Perak
<b>2009</b>	Sek. Men. Jenis Keb. Perempuan Cina Pulau Pinang
<b>2010</b>	Sek. Men. Jenis Keb. Perempuan Cina Pulau Pinang
<b>2012</b>	Sek. Men. Jenis Keb. Sin Min, Kedah
<b>2013</b>	Kolej Yayasan Saad, Melaka
<b>2014</b>	Sek. Men. Keb. King George V, Negeri Sembilan
<b>2015</b>	Sek. Men. Jenis Keb. Perempuan Cina Pulau Pinang



**MERAKAM** gambar kenangan dengan kakitangan Kedutaan Malaysia di Sweden.